

**Koperasi Yang Diurus Dengan Betul Mampu Tingkatkan Taraf Ekonomi Rakyat –  
Muhyiddin  
Bernama  
12 Julai, 2012**

TAIPING, 12 Julai (Bernama) -- Koperasi yang diurus dengan betul dan penuh profesional boleh menjadi institusi yang mampu meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat dan membantu negara menjadi negara maju, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata koperasi perlu melengkapkan keupayaan dengan perancangan jitu dan menyeluruh, kajian kebolehpasaran dalam aktiviti komersil yang diceburi, di samping melaksanakan sistem urus tadbir yang efektif dan kemahiran modal insan yang cekap.

"Ramuan ini berupaya menjana kejayaan komersil bagi koperasi-koperasi seperti sebuah entiti perniagaan. Susulan itu koperasi perlu mensasarkan dan merancang kedudukan kewangan yang kukuh sebagai kelebihan untuk berdaya saing," katanya ketika berucap pada Perasmian Hotel Taiping Perdana dan Karnival Koperasi Zon Tengah 2012 di sini, Khamis.

Hotel sembilan tingkat dengan 150 bilik yang bernilai RM24 juta itu adalah milik Koperasi Guru-Guru Melayu Larut, Matang, Selama dan Dinding Taiping Berhad.

Muhyiddin berkata koperasi guru berkenaan telah berjaya menyahut seruan kerajaan dalam membangun dan memajukan koperasi dengan menjalankan aktiviti yang memberi pulangan bermakna kepada anggota dan negara.

Beliau berkata langkah itu adalah satu manifestasi dan seharusnya dijadikan contoh dan tauladan oleh koperasi lain di negara ini. Selain itu, beliau berkata terdapat lima bidang keberhasilan utama koperasi yang sekiranya diceburi boleh mendatangkan hasil lumayan.

Lima bidang itu ialah kewangan; pemborongan dan peruncitan; pelancongan, kesihatan diri; pertanian dan industri asas tani; serta perladangan.

"Sasaran telah ditetapkan supaya sumbangan koperasi kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) negara dipertingkat dari satu peratus kepada sekurang-kurangnya lima peratus pada tahun 2013.

"Dasar koperasi negara 2011-2020 digubal bagi membolehkan koperasi menjadikan dasar ini sebagai landasan untuk meningkatkan pendapatan koperasi," katanya.

Muhyiddin berkata melalui Model Ekonomi Baru dan konsep 1Malaysia, peranan koperasi dalam ekonomi negara adalah signifikan dan strategik.

"Justeru itu, penilaian fundamental ke atas matlamat dan objektif koperasi perlu dikenalpasti bagi menentukan arah tuju koperasi masa hadapan dalam era globalisasi ini," katanya.

Beliau berkata sehingga 31 Dis tahun lepas, terdapat sebanyak 9,074 koperasi dengan keanggotaan seramai 7.04 juta orang, dengan jumlah syer bernilai RM10.4 bilion.

Katanya keseluruhan aset koperasi berkenaan berjumlah RM92.8 bilion dengan

menghasilkan pulangan jualan bernilai RM3.08 bilion.

Pada majlis itu juga Muhyiddin mengumumkan peruntukan RM1 juta kepada Koperasi Guru-Guru Melayu Larut, Matang, Selama dan Dinding Taiping Berhad.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680107>